A

KALIYA PERUMAL PONNUSAMY lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
VAZEER ALAM MYDIN MEERA HMR
AHMAD ZAIDI IBRAHIM HMR
AZMI ARIFFIN HMR
B [RAYUAN JENAYAH NO: N-09(H)-225-06-2022]
19 DISEMBER 2023

Abstrak – *Apabila seorang tertuduh disoal berulang kali tanpa kehadiran bantuan jurubahasa, dan akibat pertanyaan berulang itu tertuduh terus membuat pengakuan salah, adalah terang lagi bersuluh bahawa pengakuan salahnya tidak boleh disifatkan sebagai diberikan tanpa apa-apa syarat. Dalam kes ini, apabila tertuduh mengetahui dan menyedari bahawa hukuman pemenjaraan adalah wajib dan pasti membawanya ke penjara dan dengan spontan membuat pengakuan tidak bersalah, Majistret haruslah membenarkan tertuduh menarik balik pengakuan salahnya, sebelum sabitan dan hukuman direkodkan.*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Pengakuan salah – Sama ada terdapat kecacatan semasa prosiding pengakuan salah – Sama ada Mahkamah Majistret memberikan pilihan kepada tertuduh selaras dengan s. 173 Kanun Tatacara Jenayah – Sama ada tertuduh enggan mengaku salah sekiranya ada hukuman penjara wajib – Sama ada Majistret memenuhi tugas statutori dalam memastikan pengakuan salah – Sama ada sabitan sah dan selamat – Kanun Keseksaan, s. 325*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan – Seksyen 325 – Sabitan dan hukuman – Rayuan terhadap – Pengakuan salah – Sama ada terdapat kecacatan semasa prosiding pengakuan salah – Sama ada Mahkamah Majistret memberikan pilihan kepada tertuduh selaras dengan s. 173 Kanun Tatacara Jenayah – Sama ada tertuduh enggan mengaku salah sekiranya ada hukuman penjara wajib – Sama ada Majistret memenuhi tugas statutori dalam memastikan pengakuan salah – Sama ada sabitan sah dan selamat*

Perayu dituduh telah dengan sengaja menyebabkan cedera parah terhadap kakaknya dengan menggunakan satu alat iaitu sebatang kayu sehingga menyebabkan kecederaan pada bahagian jari manis sebelah tangan kiri, iaitu satu kesalahan bawah s. 325 Kanun Keseksaan. Pendakwaan terhadap perayu bermula di Mahkamah Majistret. Perayu mengaku salah dan dihukum pemenjaraan selama enam bulan. Perayu memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi terhadap sabitan dan hukuman tersebut. Hakim Mahkamah Tinggi menolak rayuan perayu atas alasan perayu memahami pertuduhan dan pengakuan dibuat tanpa paksaan dan tanpa sebarang syarat.

Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap sabitan dan hukuman yang dikenakan terhadap perayu. Persoalan undang-undang yang dibangkitkan perayu adalah sama ada Mahkamah Tinggi khilaf dari segi undang-undang untuk (i) meneliti kegagalan Tuan Majistret untuk memberikan pilihan kepada perayu selaras dengan s. 173(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'); (ii) mengambil kira isu tentang pengakuan tanpa bersyarat di mana perayu enggan mengaku salah sekiranya ada hukuman penjara wajib; dan (iii) menelitikan sama ada Tuan Majistret telah memenuhi dan/atau melepaskan tugas statutori dalam memastikan pengakuan salah. Isu yang dibangkitkan adalah sama ada sabitan terhadap perayu adalah sah dan selamat memandangkan terdapat beberapa kecacatan semasa prosiding pengakuan salah dirakamkan di hadapan Majistret.

Diputuskan (membenarkan rayuan)
Oleh Azmi Ariffin HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Terdapat perbezaan ketara dalam kedua-dua nota keterangan yang dikemukakan. Daripada kandungan nota keterangan yang pertama, pengakuan salah yang dibuat oleh perayu nyata seperti tanpa bersyarat dan mahkamah juga turut berpuas hati bahawa perayu telah pun memahami kesan dan akibat pengakuan salahnya. Namun yang menimbulkan tanda tanya adalah bagaimana pula pada nota keterangan tambahan yang dirakamkan pada tarikh yang sama, perayu yang tidak diwakili peguam telah mengambil pendirian dengan tidak mahu mengaku salah setelah jurubahasa mahkamah menerangkan kepada perayu di dalam Bahasa Tamil bahawa hukuman pemenjaraan adalah wajib. Setelah beberapa kali disoal oleh Majistret, akhirnya perayu telah mengubah pendiriannya untuk mengaku salah. (perenggan 8-12)

(2) Berdasarkan keseluruhan kronologi peristiwa yang berlaku ini, jelas menunjukkan bahawa pengakuan salah oleh perayu di peringkat terkemudian telah dibuat dengan bersyarat tanpa beliau mengetahui kesan dan akibat pengakuan salahnya. Namun setelah perayu mengetahui dan menyedari di saat itu bahawa hukuman pemenjaraan adalah wajib dan akan pasti membawanya ke penjara, perayu dengan spontan dan terang membuat pengakuan tidak bersalah. Di ketika itu, Majistret sepatutnya membenarkan sahaja perayu menarik balik pengakuan salahnya itu, sebelum sabitan dan hukuman direkodkan. Tetapi sebaliknya pula, Majistret telah mempersoalkan penarikan balik pengakuan salah tersebut secara terus kepada perayu (tanpa lagi memohon bantuan jurubahasa Tamil). Kesan daripada pertanyaan berulang-ulang ini telah menyebabkan perayu terus membuat pengakuan salahnya. Sudah terang lagi bersuluh, pengakuan salah sebegini rupa tidak boleh lagi disifatkan sebagai diberikan tanpa apa-apa syarat. (perenggan 13-15)

A **(3)** Terdapat merit dalam rayuan perayu ini untuk mewajarkan campur tangan mahkamah ini terhadap perintah Mahkamah Tinggi. Selaras dengan s. 60 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, kes ini diperintahkan dikembalikan ke Mahkamah Majistret untuk dibicarakan semula. (perenggan 23 & 24)

B ***English*** *Headnote*

The appellant was accused of causing serious injury to his sister by using a piece of wood, damaging the ring finger on her left hand, an offence under s. 325 of the Penal Code. The prosecution of the appellant commenced in the Magistrate's Court. The appellant pleaded guilty and was sentenced to six C months' imprisonment. The appellant filed a notice of appeal to the High Court against the said conviction and sentence. The High Court dismissed the appellant's appeal on the grounds that the appellant had understood the charges and his pleas were made without coercion and without qualification. Dissatisfied with the decision, the appellant filed a notice of appeal to the D Court of Appeal against the conviction and sentence imposed on him. The questions of law raised by the appellant were whether the High Court had erred (i) when examining the failure of the Magistrate to grant the appellant options in accordance with s. 173(1) of the Criminal Procedure Code; (ii) in taking into account the issue of a plea without qualification in which the E appellant refused to admit guilt in the case of a mandatory prison sentence; and (iii) in examining whether the Magistrate had discharged his statutory duty in ascertaining the guilty plea. The issue raised was whether the conviction of the appellant was lawful and safe, given that there were several flaws during the guilty plea proceeding before the Magistrate.

F **Held (allowing appeal)**
Per Azmi Ariffin JCA delivering the judgment of the court:

(1) There were significant differences in the two notes of evidence presented. From the contents of the first note of evidence, the guilty plea G made by the appellant was without qualification and the court was also satisfied that the appellant had understood the effects and consequences of his plea. However, it was questionable how in the additional note of evidence recorded on the same date, the appellant, who was not represented by a lawyer, took the stand by not wanting to plead guilty after the court interpreter explained to the appellant in Tamil that H imprisonment was mandatory. After being questioned several times by the Magistrate, the appellant finally changed his stance to plead guilty.

(2) Based on the entire chronology of these events, it was clear that the guilty plea by the appellant in the later stages was made with I qualification without him knowing the effects and consequences of his guilty plea. Yet, once the appellant learned and realised at that moment that the punishment of imprisonment was mandatory and that he would certainly go to prison, the appellant spontaneously and candidly pleaded

not guilty. At that point, the Magistrate should have just allowed the appellant to withdraw his guilty plea, before the conviction and sentence were handed down. Instead, the Magistrate had questioned the withdrawal of the guilty plea directly to the appellant (without asking for the help of a Tamil interpreter). The effect of these repeated questions had caused the appellant to continue to plead guilty. Clearly, this kind of guilty plea could no longer be considered as given without qualification.

(3) There were merits in this appeal of the appellant to justify the intervention of this court against the order of the High Court. In accordance with s. 60 of the Courts of Judicature Act 1964, this case was ordered to be remitted to the Magistrates' Court for retrial.

Kes-kes yang dirujuk:
Ganesan Kannan v. PP [1996] 3 SLR 560 ***(dirujuk)***
Heng Kim Khoon v. PP [1971] CLJU 38; [1971] 1 LNS 38 HC ***(dirujuk)***
PP v. Jamalul Khair [1984] CLJU 161; [1984] 1 LNS 161 HC ***(dirujuk)***
PP v. Leng Chow Teng [1985] 1 CLJ 157; [1985] CLJ (Rep) 256 FC ***(dirujuk)***
Shaiful Azmi Sabri lwn. PP [2020] 10 CLJ 445 CA ***(dirujuk)***
Sukma Darmawan Sasmitaat Madja v. PP [2007] 4 CLJ 697 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, s. 60
Criminal Procedure Code, s. 173(a), (b), (c)
Penal Code, s. 325

Bagi pihak perayu - G Nadaraja & M Siveram; M/s Rama & Assocs
Bagi pihak responden - Mohd Amril Johari; TPR

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat Kaliya Perumal Ponnusamy lwn. PP [2022] CLJU 2040; [2022] 1 LNS 2040 (ditolak).]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Azmi Ariffin HMR:

Pengenalan

[1] Pendakwaan terhadap perayu bermula di Mahkamah Majistret Kuala Pilah, Negeri Sembilan atas kesalahan di bawah s. 325 Kanun Keseksaan. Perayu telah mengaku salah dan dihukum pemenjaraan selama enam bulan dari tarikh ditangkap (15 Mac 2020).

[2] Pada 17 Mac 2020, perayu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi Seremban terhadap sabitan dan hukuman tersebut. Pada 17 Februari 2022, Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan Mahkamah Majistret atas alasan perayu memahami pertuduhan dan pengakuan dibuat tanpa paksaan dan tanpa sebarang syarat.

[3] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, maka pada 3 Jun 2022, perayu telah memfailkan notis rayuan (kandungan 47) ke Mahkamah Rayuan terhadap sabitan dan hukuman yang dikenakan terhadap perayu.

[4] Sewajarnya diperjelaskan bahawa notis rayuan ini difailkan setelah perayu memperolehi kebenaran daripada Mahkamah Rayuan pada 25 Mei 2022 di atas persoalan undang-undang yang dibangkitkan oleh beliau sepertimana berikut:

(a) Mahkamah Tinggi telah khilaf dari segi undang-undang untuk menelitikan kegagalan Tuan Majistret untuk memberikan pilihan kepada tertuduh selaras dengan s. 173(a) Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);

(b) Mahkamah Tinggi telah khilaf dari segi undang-undang untuk mengambil kira isu mengenai pengakuan tanpa bersyarat ("plea without qualification") di mana tertuduh enggan mengaku salah sekiranya ada hukuman penjara wajib; dan

(c) Mahkamah Tinggi telah khilaf dari segi undang-undang untuk menelitikan sama ada Tuan Majistret telah memenuhi dan/atau melepaskan tugas statutori ("discharge statutory duty") dalam memastikan ("ascertain") pengakuan salah.

Pertuduhan

[5] Pertuduhan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 14/3/2020 jam lebih kurang 5.00 petang, bertempat di hadapan rumah No. 77 Taman Seri Gelugor, di dalam Daerah Kuala Pilah, di dalam Negeri Sembilan telah dengan sengaja menyebabkan cedera parah terhadap kakak kamu nama Suppulatchumee a/p Ponnusamy, KPT: 430117-01-5266, dengan menggunakan suatu alat yang jika digunakan sebagai senjata untuk melakukan kesalahan yang mungkin menyebabkan kematian iaitu sebatang kayu sehingga menyebabkan kecederaan pada bahagian jari manis sebelah tangan kiri. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 325 Kanun Keseksaan.

Kronologi Peristiwa Secara Ringkas

[6] Bagi memahami perjalanan prosiding yang berlaku di Mahkamah Majistret ini, maka adalah penting bagi kami membentangkan dua nota keterangan yang terdapat di dalam kandungan 12 rekod rayuan jilid 3 muka surat sepertimana berikut:

(i) nota keterangan bertarikh 17 Mac 2020 (ms. 1 hingga 7); dan

(ii) nota keterangan tambahan bertarikh 17 Mac 2020 (ms. 8 hingga 13)

Nota keterangan bertarikh 17 Mac 2020.

- Perayu tidak diwakili peguam;
- Pada 17/3/2020, pertuduhan telah dibacakan dan diterangkan oleh jurubahasa kepada perayu di dalam Bahasa Tamil;

- Perayu faham dan mengaku bersalah;
- Mahkamah bertanya kepada perayu samada perayu faham kesan dan akibat pengakuan salah beliau;
- Perayu mengakui faham;
- Mahkamah bertanya kepada perayu samada perayu faham dan tahu bahawa setelah mengaku salah, perayu akan disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 325 Kanun Keseksaan;
- Perayu mengakui faham;
- Mahkamah bertanya kepada perayu samada perayu tahu atau tidak bahawa jika disabitkan di bawah seksyen 325 Kanun Keseksaan, hukuman pemenjaraan boleh sampai sehingga tujuh (7) tahun dan boleh juga dikenakan denda;
- Perayu mengakui faham;
- Mahkamah memperjelaskan kepada perayu bahawa setelah perayu faham dan mengaku salah, maka tidak akan ada perbicaraan dan pihak pendakwaan tidak akan memanggil seorang saksi pun untuk membuktikan pertuduhan jenayah ke atas perayu;
- Perayu mengakui tahu;
- Mahkamah bertanya kepada perayu samada perayu tahu atau tidak bahawa memandangkan perayu telah mengaku salah, mahkamah boleh terus menjatuhkan hukuman ke atas perayu di atas pengakuan yang di buat bagi kesalahan di bawah seksyen 325 Kanun Keseksaan sepertimana yang telah dibacakan kepada perayu sebentar tadi;
- Perayu mengakui tahu;
- Mahkamah bertanya kepada perayu samada perayu tahu atau tidak bahawa pengakuan salah perayu diambil dan direkodkan, dan jika perayu ingin membuat rayuan, maka rayuan yang boleh diambil kira hanyalah terhadap hukuman sahaja dan bukannya terhadap sabitan atas kesalahan jenayah ini;
- Perayu mengakui tahu;
- Mahkamah bertanya kepada perayu samada perayu masih mahu lagi mengaku salah;
- Perayu menjawab bahawa beliau masih mahu mengaku salah;
- Mahkamah memutuskan berpuashati bahawa perayu telah pun memahami kesan dan akibat pengakuan salahnya serta masih lagi mengekalkan pengakuan salahnya di atas pertuduhan yang dikenakan ke atas dirinya;
- Timbalan Pendakwa Raya memohon kepada mahkamah untuk dibacakan fakta kes kepada perayu;

- Jurubahasa membaca dan menerangkan fakta kes kepada perayu di dalam Bahasa Tamil;
- Perayu mengakui faham dan mengakui fakta kes sebagai benar dan tiada bantahan;
- Fakta kes ditandakan sebagai Ekshibit P1;
- Timbalan Pendakwa Raya memohon kepada mahkamah untuk mengemukakan dokumen-dokumen;
- Jurubahasa menjelaskan kepada perayu kesemua dokumen-dokumen tersebut kepada perayu;
- Perayu mengaku memahami dan menyatakan tiada untuk kesemua dokumen-dokumen tersebut ditandakan;
- Mahkamah menandakan dokumen-dokumen tersebut;
- Perayu membuat mitigasinya dengan mengatakan bahawa beliau seorang penoreh getah dengan pendapatan sebanyak RM50 seminggu. Beliau mempunyai cucu dan memohon denda yang ringan;
- Timbalan Pendakwa Raya memohon hukuman yang setimpal; dan Mahkamah menjatuhkan hukuman terhadap perayu.

Nota keterangan tambahan bertarikh 17 Mac 2020.

- Perayu tidak diwakili peguam;
- Pada 17/3/2020, pertuduhan telah dibacakan dan diterangkan oleh Jurubahasa kepada perayu di dalam Bahasa Tamil;
- Perayu faham dan mengaku bersalah atas pertuduhan. Perayu faham sifat dan akibat pengakuan;
- Timbalan Pendakwa Raya memohon kepada mahkamah untuk dibacakan fakta kes kepada Perayu;
- Jurubahasa membaca dan menerangkan fakta kes kepada perayu di dalam Bahasa Tamil;
- Perayu mengakui fakta kes;
- Fakta kes ditandakan sebagai Ekshibit P1;
- Timbalan Pendakwa Raya mengemukakan dokumen-dokumen untuk ditandakan;
- Jurubahasa menjelaskan kepada perayu kesemua dokumen-dokumen tersebut kepada Perayu;
- Perayu mengaku kesemua dokumen-dokumen tersebut;
- Mahkamah menandakan dokumen-dokumen tersebut;

- Perayu membuat mitigasinya dengan mengatakan bahawa beliau seorang penoreh getah dengan pendapatan RM50 seminggu. Beliau menanggung tiga (3) orang cucu. Beliau berusia 67 tahun dan memohon denda yang ringan;

- Timbalan Pendakwa Raya memohon hukuman yang setimpal dan berbentuk pengajaran;

- *Mahkamah memberitahu perayu untuk seksyen 325 Kanun Keseksaan, hukuman pemenjaraan boleh sampai 7 tahun dan boleh juga dikenakan denda. Hukuman pemenjaraan adalah wajib;*

- *Jurubahasa menerangkan semula kepada perayu bahawa hukuman pemenjaraan adalah wajib;*

- *Perayu mengatakan bahawa beliau tidak mengaku salah;*

- *Mahkamah bertanyakan kepada perayu samada beliau hendak mengaku salah atau tidak;*

- *Jurubahasa menyatakan bahawa bila beliau menerangkan kepada perayu bahawa hukuman pemenjaraan adalah wajib, maka perayu pun tidak mahu mengaku salah;*

- *Mahkamah bertanya kenapa perayu samada beliau hendak mengaku salah atau tidak;*

- *Jurubahasa bertanya semula kepada perayu samada beliau hendak mengaku salah atau tidak. Perayu menjawab tidak mengaku salah;*

- *Mahkamah mengatakan kepada perayu "Habis yang ini semua kamu cakap tadi ni apa? Mengaku ke tak buat? betul ke atau tidak betul? So, kamu mengaku ke atau tak mengaku?" (perayu menjawab sendiri dalam Bahasa Malaysia);*

- *Perayu mengatakan semuanya betul dan beliau mengaku kesemuanya (perayu menjawab sendiri dalam Bahasa Malaysia);*

- *Mahkamah mengatakan bahawa beliau tidak memaksa perayu untuk mengaku;*

- *Perayu menjawab bahawa beliau mengaku;*

- *Mahkamah bertanya kepada perayu samada mengaku salah atau tidak;*

- *Perayu menjawab bahawa beliau mengaku;*

- *Mahkamah bertanya sekali lagi kepada perayu samada mengaku salah atau tidak;*

- *Perayu menjawab bahawa beliau mengaku salah; dan*

- *Mahkamah menerima pengakuan salah perayu dan mensabitkan perayu di atas kesalahan sepertimana pertuduhan.*

(penekanan ditambah)

A **Peruntukan Undang-undang Berkaitan**

[7] Seksyen 173(a), (b) dan (c) Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) memperuntukkan seperti berikut:

> The following procedure shall be observed by Magistrates in summary
B trials:
>
> (a) When the accused appears or is brought before the Court a charge containing the particulars of the offence of which he is accused shall be framed and read and explained to him, and he shall be asked whether he is guilty of the offence charged or claims to be tried.
>
C (b) If the accused pleads guilty to the charge, whether as originally framed or as amended, the plea shall be recorded and he may be convicted on it and the Court shall pass sentence according to law:
>
> Provided that before a plea of guilty is recorded the Court shall ascertain that the accused understands the nature and consequences of his plea and intends to admit, without
D qualification, the offence alleged against him.
>
> (c) If the accused refuses to plead or does not plead or claims to be tried, the Court shall proceed to take all such evidence as may be produced in support of the prosecution.

E **Keputusan Kami**

[8] Terdapat satu isu sahaja yang dibangkitkan peguam bela perayu di dalam rayuan ini. Isu tersebut adalah sama ada sabitan terhadap perayu adalah sah dan selamat memandangkan terdapat beberapa kecacatan semasa prosiding pengakuan salah dirakamkan di hadapan Majistret yang bijaksana.

F **[9]** Kami telah membuat penelitian terperinci terhadap kedua-dua nota keterangan yang masing-masing bertarikh 17 Mac 2020 di mana kami mendapati terdapat perbezaan yang ketara di dalam kedua-dua nota keterangan tersebut. Persoalannya, bagaimana pula boleh terdapat dua nota keterangan yang berbeza pada tarikh yang sama?

G **[10]** Daripada kandungan nota keterangan yang pertama, dapat dilihat bahawa pengakuan salah yang dibuat oleh perayu nyata seperti tanpa bersyarat dan mahkamah juga turut berpuas hati bahawa perayu telah pun memahami kesan dan akibat pengakuan salahnya.

H **[11]** Namun yang menimbulkan tanda tanya pada kami adalah bagaimana pula pada nota keterangan tambahan yang dirakamkan pada tarikh yang sama juga, perayu yang tidak diwakili oleh peguam telah mengambil pendirian dengan tidak mahu mengaku salah setelah jurubahasa mahkamah menerangkan kepada perayu di dalam Bahasa Tamil bahawa hukuman
I pemenjaraan adalah wajib.

[12] Setelah beberapa kali disoal oleh Majistret yang bijaksana sama ada beliau hendak mengaku salah atau tidak (walaupun Majistret yang bijaksana mengatakan bahawa perayu tidak dipaksa untuk mengaku), akhirnya perayu telah mengubah pendiriannya untuk mengaku salah. Mahkamah menerima pengakuan salah perayu dan mensabitkan perayu serta menjatuhkan hukuman di atas kesalahan sepertimana pertuduhan.

[13] Berdasarkan kepada keseluruhan kronologi peristiwa yang berlaku ini, jelas menunjukkan bahawa pengakuan salah oleh perayu di peringkat terkemudian telah dibuat dengan bersyarat tanpa beliau mengetahui kesan dan akibat pengakuan salahnya itu. Namun setelah perayu mengetahui dan menyedari di saat itu bahawa hukuman pemenjaraan adalah wajib dan akan pasti membawanya ke penjara, perayu dengan spontan dan terang membuat pengakuan tidak bersalah.

[14] Pada hemat kami, di ketika itu, Majistret yang bijaksana sepatutnya membenarkan sahaja perayu menarik balik pengakuan salahnya itu sebelum sabitan dan hukuman direkodkan. Tetapi di sebaliknya pula, Majistret yang bijaksana telah mempersoalkan penarikan balik pengakuan salah tersebut secara terus kepada perayu (tanpa lagi memohon bantuan jurubahasa Tamil) dan secara tersirat menzahirkan ketidakpuasan hatinya dengan berkata seperti berikut:

> Habis yang ini semua kamu cakap tadi ni apa? Mengaku ke tak buat? betul ke atau tidak betul? So, kamu mengaku ke atau tak mengaku?" (OKT menjawab sendiri dalam Bahasa Malaysia).
>
> Saya tak paksa. Mengaku?

[15] Kata-kata sebegini pasti telah menimbulkan ketakutan dan tekanan kepada perayu yang hanya merupakan seorang penoreh getah sahaja. Kesan daripada pertanyaan berulang-ulang ini telah menyebabkan perayu terus membuat pengakuan salahnya. Sudah terang lagi bersuluh, pengakuan salah sebegini rupa tidak boleh lagi disifatkan sebagai diberikan tanpa apa-apa syarat.

[16] Sebelum melabuhkan tirai penghakiman ini, adalah penting dan berfaedah sekali bagi kami merujuk kepada beberapa nas undang-undang yang mantap sebagai renungan bersama dan panduan kepada mahkamah perbicaraan apabila menerima pengakuan salah seseorang tertuduh terhadap apa-apa pertuduhan yang dikenakan ke atas diri mereka.

[17] Di dalam kes *PP v. Leng Chow Teng* [1985] 1 CLJ 157; [1985] CLJ (Rep) 256; [1985] 1 MLJ 229, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Mohamed Azmi HMP (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

A The recording of a plea of guilty as distinguished from the acceptance of such plea by the court is also recognised in section 173(m)(2), Criminal Procedure Code, the relevant part of which provides: "... if a plea of guilty has been recorded and accepted the Court shall pass sentence according to law.

B Thus, a plea made by the accused in person is not only good in law but also required by law except where a plea of guilty by letter is expressly provided for in any written law. But before a plea of guilty is recorded and accepted it is mandatory under sub-section 173(b) for the court to ascertain that the accused understands the nature and consequences of his plea and that he intends to admit without qualification the offence C alleged against him. The words "may be convicted thereon" in sub-section 173(b) and the words "shall ascertain" in the proviso clearly envisage two different meanings and requirements. The sub-section provides that even if the accused pleads guilty the court has a discretion not to convict him with a view to admonish him or to put him on a bond of good behavior under section 173A(ii) CPC but as in all cases of discretionary powers it D must be exercised judicially. The requirement in the proviso before a plea of guilty is recorded and accepted is clearly mandatory.

[18] Di dalam kes *Shaiful Azmi Sabri lwn. PP* [2020] 10 CLJ 445; [2020] 6 MLJ 578, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Yaacob Md Sam HMR memutuskan seperti berikut:

E

[27] Berbalik kepada rayuan di hadapan kami ini. Kami telah dapat meneliti rakaman CRT yang dimaksudkan. Daripada rakaman tersebut yang masih boleh diikuti dan didengar dengan jelas, hakim sesyen walau pun ada menyatakan kepada perayu bahawa di bawah seksyen kesalahan tersebut perayu boleh dikenakan hukuman penjara seumur hidup tetapi F tidak menerangkan kepada perayu maksud penjara seumur hidup tersebut di bawah undang-undang adalah untuk tempoh penjara 30 tahun. Oleh kerana tontonan kami ke atas rakaman CRT melihatkan hakim sesyen ada menyebutkan hukuman penjara seumur hidup. Maka kami mengabaikan catatan nota keterangan yang mencatatkan hakim sesyen menerangkan kepada perayu tentang hukuman di bawah s. 6B(1)(a) ADB 1952 yang G kami dapati tidak betul dirujuk oleh hakim sesyen. Kami juga mendapati fakta kes (P1) tidak menzahirkan kesalahan yang dilakukan oleh perayu jika dibandingkan dengan pertuduhan. Tiada terdapat nyataan dalam fakta kes bahawa perayu yang telah menanam tiga pokok cannabis tersebut. Apa yang dizahirkan dalam fakta kes P1 adalah perayu yang telah membawa dan menunjukkan tiga batang pokok cannabis kepada H pengadu. Fakta kes P1 tidak mengatakan bahawa perayu telah menanam tiga batang pokok cannabis untuk perayu membuat pengakuan terhadap fakta yang dibentangkan. Oleh itu apakah sebenarnya yang diakui sebagai benar oleh perayu? Pertuduhan juga tidak menyebutkan berat pokok atau berat tumbuhan cannabis. Secara perbandingan, semua butiran yang terdapat dalam pertuduhan kes *Kamalrudin bin Drahman v. Pendakwa Raya* I tidak terdapat dalam pertuduhan kes perayu ini, jumlah pokok dan berat cannabis terlibat.

Kami juga dapati terdapat keraguan sama ada laporan kimia (P7) telah dibuat serahan ke atas perayu seperti mana kehendak s. 399(1) Kanun Tatacara Jenayah untuk layak P7 tersebut diterima masuk sebagai sebahagian daripada keterangan terhadap perayu.

Sekiranya laporan kimia tersebut tidak dibuat serahan ke atas perayu dan hanya dikemukakan oleh pihak pendakwaan semasa prosiding pengakuan bersalah perayu, maka kes pendakwaan mengalami kecacatan yang sama seperti yang terdapat dalam kes *Hajar bt Ishak v. Pendakwa Raya* yang menjadikan sabitan terhadap perayu tidak selamat kerana tidak terdapat barang kes (dadah berbahaya) yang menjadi perkara pertuduhan dikemukakan secara sah sebagai bukti di hadapan mahkamah. Perayu tidak diwakili oleh peguam dan menghadapi pertuduhan yang serius. Maka itu, adalah menjadi tugas hakim untuk benar-benar memastikan perayu faham pertuduhan yang dihadapinya dan kebenaran fakta kes yang dibentangkan yang menzahirkan kesalahan yang dilakukan serta bentuk hukuman yang akan dikenakan terhadapnya jika pengakuan bersalahnya diterima oleh Mahkamah. Fakta kes P1 jelas tidak menzahirkan kesalahan yang dilakukan oleh perayu seperti di dalam pertuduhan. Perayu bekerja sebagai seorang nelayan. Tidak terdapat sebarang keterangan yang dapat melihatkan tahap pendidikan perayu. Maka yang demikian, jika sekiranya perayu dijelaskan bahawa hukuman penjara seumur hidup adalah bermaksud penjara selama 30 tahun dan hukuman penjara seumur hidup 30 tahun itu bersifat mandatori dan tidak boleh dikurangkan walau apa pun mitigasi perayu jika mengaku bersalah, adakah perayu masih ingin mengekalkan pengakuan salahnya? Perkara ini tidak dilakukan oleh hakim sesyen. Keadaan tersebut ditambah lagi dengan kecacatan-kecacatan yang telah kami huraikan di atas, khususnya ketiadaan keterangan bahawa s. 399(1) Kanun Tatacara Jenayah telah dipatuhi oleh pihak pendakwaan.

[30] Berdasarkan kepada fakta-fakta yang terdapat itu, kami dapati terdapat keraguan sama ada perayu benar-benar faham atas sifat dan akibat pengakuan salah yang diberikannya. Banyak perkara perkara yang cacat dalam penerimaan pengakuan bersalah perayu oleh hakim sesyen. Maka yang demikian, pengakuan bersalah oleh perayu tidak boleh disifatkan sebagai telah diberikan tanpa apa-apa syarat (unequivocal). Hakim sesyen dalam menerima pengakuan bersalah perayu telah gagal mematuhi strict requirements s. 173 Kanun Tatacara Jenayah yang menyebabkan berlakunya satu ketidakadilan (occasioning a miscarriage of justice). Kami bersetuju dan menerima pakai prinsip yang diputuskan dalam kes *Hajar bte Ishak v. Pendakwa Raya*, *Ooi Lean Chai v. Public Prosecutor* dan ujian yang dinyatakan dalam kes *Ganesun s/o Kannan v. Public Prosecutor* [1996] 3 SLR 560. Di atas kecacatan yang terdapat terhadap penerimaan pengakuan bersalah perayu, kami mendapati sabitan terhadap perayu adalah tidak selamat.

[19] Di dalam kes *Sukma Darmawan Sasmitaat Madja v. PP* [2007] 4 CLJ 697; [2007] 5 MLJ 666, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Gopal Sri Ram HMR (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> [10] In the present case, the sessions judge was denied access to information favourable to the accused. Had it been made available to her, she may well have rejected the plea of guilt on the ground that an offence may not have been committed for the want of proof of an essential allegation in the charge. For it is trite law that in a case where an accused pleads guilty, the prosecution when reciting the facts, confine itself to only those facts it can prove. See, *Abdul Kadir bin Abdul Rahman v. Public Prosecutor* [1984] 1 MLJ 80; *Mohammad bin Hassan v. Public Prosecutor* [1998] 5 MLJ 65. We are satisfied that the accused's conviction based on his plea of guilt may be quashed on this ground alone. But, as it happens, there are other grounds as well. And before moving onto them we must express our deep regret that the suppression of material evidence by the prosecution occurred in this case despite the reminder given by Vincent Ng JC (as he then was) in *Public Prosecutor v. Lee Eng Kooi* [1993] 2 MLJ 322 when he said that the duty of Deputy Public Prosecutors is (at p 336):
>
> > ... to help the court arrive at the truth and to honour truth itself overrides any lingering ill-founded eagerness that they may harbour, to satisfy their superiors that they have robotically objected to the objectable. Surely, the eternal question of which version if any, abides by the truth is solely and exclusively within the domain of judicial determination and not within the purview of counsel or DPPs.

[20] Di dalam kes *Heng Kim Khoon v. PP* [1971] CLJU 38; [1971] 1 LNS 38; [1972] 1 MLJ 30, Hakim Sharma memutuskan seperti berikut:

> The charges were read over and according to the record they were explained to and understood by the accused and he pleaded guilty thereto. He admitted the facts but in mitigation stated that the exhibits were not his and that they had been left behind by a friend of his. Proof of "possession" was the very essential ingredient of those offences and in spite of what the accused said the learned president found him guilty and convicted him on the two charges. A plea of guilty may be accepted by the court and the accused convicted on it but the court is not bound to accept a plea of guilty in all cases. The court must carefully consider whether the accused has fully understood the nature of the charge to which he pleads guilty. The accused is not to be taken at his word when he pleads guilty unless the plea is expressed in unmistakable terms with full appreciation of the essential ingredients of the offence. This rule of law is applied with all the greater stringency when the offence charged is complicated or serious.
>
> In the instant case, the question of possession was involved which can sometimes be a very difficult question. In taking down a plea of guilty the use of the set formula.

> "Charge read over and explained to the accused and understood by him. Pleads guilty. Understands the nature and consequences of his plea. Plea accepted."
>
> Should not be the result of sheer wont and habit as if it was an empty and meaningless ritual which the pen irresistibly begins to perform and complete once the magic words "I plead guilty" are uttered by the accused. The taking down of a plea of guilty is a solemn and serious act and the magistrates should devote some time and active thought before they decide to accept that plea and base a conviction thereon.

Hakim Sharma menyambung lagi:

> A plea of guilty only amounts to an admission that the accused committed the acts alleged against him and not an admission of the guilt under a particular section of the Act. If he pleads guilty under an erroneous view of the law his conviction cannot stand. In such a case the plea of guilty does not avail because he cannot be said to have committed the offence in question in the eyes of the law.

[21] Di dalam kes *PP v. Jamalul Khair* [1984] CLJU 161; [1984] 1 LNS 161; [1985] 1 MLJ 316, Gunn Chit Tuan J (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> ... that if a court upon all the facts before it thinks it is proper to accept a plea of guilty then the court may permit that plea to be withdrawn and a plea of not guilty accepted at a later stage up to sentence, that is, until final adjudication.

[22] Di dalam kes *Ganesan Kannan v. PP* [1996] 3 SLR 560, mahkamah memutuskan seperti berikut:

> Firstly, the court must ensure that it is the accused himself who wishes to plead. Secondly, the court must ascertain whether the accused understand the nature and consequences of his plea. Thirdly, the court must established that the accused intends to admit without qualification the offence alleged against him.

Kesimpulan

[23] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan di atas, kami sebulat suara mendapati terdapat merit di dalam rayuan perayu ini untuk mewajarkan kami campur tangan terhadap perintah Mahkamah Tinggi.

[24] Rayuan perayu dibenarkan. Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 17 Februari 2022, diketepikan. Selaras dengan s. 60 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, kami memerintahkan supaya kes dikembalikan ke Mahkamah Majistret Kuala Pilah untuk dibicarakan semula.